

**ANALISIS PENGKRITIKAN FILEM  
KARYA K. BALAMURUGAN  
MENGUNAKAN TEORI  
TEKSDEALISME**

**THASARATHAN A/L CHANDRAN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS PENGKRITIKAN FILEM KARYA K. BALAMURUGAN  
MENGUNAKAN TEORI TEKSDEALISME**

**THASARATHAN A/L CHANDRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Please tick (✓)

Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed Mode

PhD

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

**INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....06.....day of.....APRIL.....20.....21.....

**i. Student's Declaration:**

I, THASARATHAN A/L CHANDRAN, M20171000945, FACULTY OF LANGUAGE AND COMMUNICATION (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled ANALYZES THE FILM CRITICISM BY K. BALAMURUGAN USING THE THEORY OF TEXTUALISM is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Signature of the student

**ii. Supervisor's Declaration:**

I Dr. Muniisvaran A/L Kumar (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled Analyzes the film criticism by K.Balamurugan using the theory of Textualism (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a \* partial/full fulfillment for the conferment of Master of Arts (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

14-10-2021

Date

**DR. MUNIISVARAN S/O KUMAR**  
SENIOR LECTURER  
DEPARTMENT OF MODERN LANGUAGES,  
Signature of the Supervisor  
TANJUNG MALIM, 35950  
PERAK DARUL RIDZUAN,  
MALAYSIA



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS PENGKRITIKAN FILEM KARYA  
K. BALAMURUGAN MENGGUNAKAN TEORI TEKSDEALISME

No. Matrik /Matric's No.: M20171000945

Saya / I: THASARATHAN A/L CHANDRAN  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick ( ✓ ) for category below:-*

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
DR. MUMUSWARAN S/O KUMAR  
SENIOR LECTURER  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY  
PERAK DARUL RIDZUAN,  
MALAYSIA  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 15.08.2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnianya, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna setelah mengharungi pelbagai cabaran.

Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek ilmiah, Dr. Muniisvaran Kumar atas bimbingan dan sokongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Teguran dan idea-idea beliau sangat dihargai sehingga saya boleh menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan seterusnya ditujukan kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang secara tidak langsung membantu saya memberikan perangsang, idea dan komen sepanjang perjalanan tesis ini.

Khas untuk rakan-rakan seperjuangan, jutaan terima kasih di atas curahan idea, tunjuk ajar dan dorongan kalian. Semoga kita sentiasa diberikan naungan oleh Tuhan bagi meneruskan kehidupan di dunia ini.

Akhir sekali, saya sangat menghargai komitmen yang diberikan oleh informan-informan sepanjang kajian ini. Sudah tentu, tanpa mereka disertasi ini tidak akan membuahkan hasil.

Semoga usaha ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam dunia pendidikan dan perundangan di negara kita. Sesungguhnya kejayaan seseorang itu di dunia dan akhirat hanya dengan ilmunya.

Sekian.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menjelaskan pengkritikan filem karya K.Balamurugan dengan menggunakan teori Teksdealisme. Kajian ini mempunyai empat objektif iaitu membincangkan prinsip 'kehadiran', menganalisis prinsip 'pelanggaran', menjelaskan prinsip 'pengukuhan' dan membincangkan prinsip 'individualisme' yang ditonjolkan oleh K.Balamurugan dalam proses penulisan pengkritikan berdasarkan teori Teksdealisme. Kajian ini menggunakan teori Teksdealisme yang digagaskan oleh sasterawan yang dikenali sebagai *Mana Sikana*. Pendekatan kualitatif berbentuk deskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah keperpustakaan. Analisis deskriptif memberi gambaran kepelbagaian pengkritikan filem karya K. Balamurugan berdasarkan empat prinsip yang dikemukakan dalam teori Teksdealisme. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat prinsip teori Teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme dalam pengkritikan filem karya K. Balamurugan. Kajian ini juga membuktikan bahawa keempat-empat prinsip tersebut dapat membantu dalam menganalisis sebuah karya kritikan filem. Melalui kajian ini penyelidik dapat menyimpulkan bahawa karya penulis tempatan K.Balamurugan, '*Marangottiyin Isai*' merupakan sebuah karya yang mantap. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan suatu perbandingan antara pengkritikan karya K. Balamurugan dan teori Teksdealisme. Implikasi kajian ini adalah meningkatkan kualiti penulisan pengkritikan filem dalam konteks kesusasteraan Tamil Malaysia dan bakal penyelidik dapat menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan.



## **ANALYZES THE FILM CRITICISM BY K. BALAMURUGAN USING THE THEORY OF TEXTUALISM**

### **ABSTRACT**

This study aims to examine and explain the critique of K.Balamurugan's film using the theory of Textdealism. This study has four objectives, namely discussing the principle of 'presence', analyzing the principle of 'violation', explaining the principle of 'reinforcement' and discussing the principle of 'individualism' highlighted by K. Balalamurugan in the process of writing criticism based on the theory of Textualism. This study uses the theory of Textualism conceived by a writer known as Mana Sikana. A qualitative descriptive approach was used in this study. The research method used in this study is in the form of library method. Descriptive analysis gives an overview of the diversity of film criticism by K. Balamurugan based on the four principles presented in the theory of Textualism. The results of the study show that there are four theoretical principles of Textualism, namely the principle of presence, the principle of violation, the principle of reinforcement and the principle of individualism in the critique of the film by K. Balamurugan. This study also proves that these four principles can help in analyzing a work of film criticism. Through this study, researcher can conclude that the work of local writer K. Balururugan, 'Marangottiyin Isai' is a solid work. In conclusion, this study has shown a comparison between the critique of K. Balamurugan's work and the Textualism theory. The implication of this study is to improve the quality of film critique writing in the context of Malaysian Tamil literature and prospective researchers can use this study as a reference source.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii

### BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	3
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	10
1.7	Sumber Kajian	11
	1.7.1 Sumber Primer	11
	1.7.2 Sumber Sekunder	12
1.8	Definisi operasional	12
	1.8.1 Pengkritikan	12



	viii	
1.8.2	Filem	14
1.8.3	Teori Teksdealisme	15
1.9	Kesimpulan	16

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.0	Pengenalan	17
2.1	Biografi Penulis K.Balamurugan	18
2.1.1	Hasil Karya K.Balamurugan	18
2.1.2	Anugerah Dan Kecemerlangan K.Balamurugan	20
2.2	Karya ‘Maranggottiyin Isai’	22
2.3	Pengkritikan Sastera	25
2.3.1	Kritikan Sastera Dunia	28
2.3.2	Kritikan Sastera Tamil	37
2.3.2.1	Pengertian Kritikan Dalam Sastera Tamil	38
2.3.2.2	Penulis Pengkritikan Sastera Tamil	39
2.3.2.3	Tradisi Bahasa Inggeris Dalam Pengkritikan Sastera Tamil	44
2.3.2.4	Teknik Perbandingan Dalam Kritikan Sastera Tamil	46
2.3.2.5	Penerbitan Buku Dalam Kritikan Sastera Tamil	47
2.3.2.6	Penggunaan Teori Dalam Kritikan Sastera Tamil	51
2.3.3	Fungsi Kritikan	60
2.3.4	Kepentingan Kritikan	61
2.3.5	Pendekatan Dalam Kritikan	63
2.3.6	Jenis Kritikan	64
2.3.6.1	Kritikan Berorientasikan Pembaca	66

2.3.6.2	Kritikan Strukturalisme	68
2.3.6.3	Kritikan Pembinaan Semula Karya Sastera	70
2.3.6.4	Kritikan Psikoanalitik	72
2.3.6.5	Kritikan Feminisme	74
2.3.6.6	Kritikan Marxis	77
2.3.6.7	Kritikan Sejarah	79
2.3.6.8	Kritikan Sejarah Baru	81
2.3.6.9	Kritikan Post Kolonialisme	82
2.3.6.10	Kritikan Afrika-Amerika	83
2.3.6.11	Kritikan Teori Queer	84
2.3.6.12	Kritikan Biografi	86
2.3.6.13	Kritikan Pola Dasar	87
2.3.6.14	Kritikan Nilai Moral	90
2.3.6.15	Kritikan Genre	92
2.3.6.16	Kritikan Falsafah	94
2.3.6.17	Kritikan Politik Atau Nasihat	95
2.3.6.18	Kritikan Formalis	98
2.3.7	Kritikan Berdasarkan Teknik	101
2.3.7.1	Teknik Pujian	101
2.3.7.2	Teknik Kehakiman	102
2.3.7.3	Teknik Preskriptif	103
2.3.7.4	Teknik Induktif	104
2.3.7.5	Teknik Petikan	105

	x
2.3.7.6 Teknik Penilaian	107
2.3.7.7 Teknik Perbandingan	108
2.3.7.8 Teknik Analisis	109
2.3.8 Peranan Pengkritik	110
2.3.8.1 Meyakinkan Pembaca	111
2.3.8.2 Sikap Jururawat	112
2.3.8.3 Persahabatan	113
2.3.8.4 Kejelasan Dan Kemampuan	114
2.3.8.5 Tanggungjawab Social	116
2.3.8.6 Nilai Kesederhanaan	117
2.3.8.7 Meneliti Kelebihan Dan Kekurangan	118
2.3.3.8 Gaya Bahasa	119
2.4 Pengkritikan Filem	120
2.4.1 Tujuan Analisis Filem	121
2.4.2 Penulisan Pengkritikan Filem	122
2.4.3 Pembacaan Pengkritikan Filem	124
2.4.4 Kritikan Filem Dalam Talian	127
2.4.4.1 Rotten Tomatoes	127
2.4.4.2 Imdb	130
2.4.4.3 Metacritic	133
2.4.4.4 The Movie Db Dan Letterbox	135
2.4.4.5 Aplikasi Twitter	137
2.4.4.6 Aplikasi Facebook	139
2.4.5 Pengkritikan Filem Tamil	140

2.4.6	Kajian-Kajian Lepas Dalam Pengkritikan Filem	142
2.5	Teori Teksdealisme	145
2.5.1	Pengasas Teori Teksdealisme	146
2.5.2	Sejarah Teori Teksdealisme	148
2.6	Kesimpulan	150

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	151
3.1	Reka Bentuk Kajian	152
3.2	Kaedah Kajian	153
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	154
3.3	Kaedah Pemerolehan Data Kajian	155
3.4	Kaedah Penganalisan Data Kajian	156
3.5	Teori Kajian	157
3.6	Kerangka Teori Kajian	165
3.7	Kesimpulan	166

### **BAB 4 ANALISIS DATA**

4.0	Pengenalan	167
4.1	Prinsip Kehadiran	168
4.1.1	Latar Belakang Sebagai Guru	169
4.1.2	Pengalaman Dengan Burung	174
4.1.3	Pandangan Terhadap Luar Negara	176
4.1.4	Maklumat Yang Diperoleh Menerusi Sumber Bacaan	180
4.1.5	Pengaruh Filem Sejak Zaman Kanak-Kanak	183

4.1.6	Meluahkan Perasaan Atau Emosi Yang Dialami Semasa Menonton Filem	188
4.2	Prinsip Pelanggaran	192
4.2.1	Bahagian Baru Dalam Karya Marangottiyin Isai	193
4.2.2	Perbezaan Dari Segi Gaya Penulisan	194
4.3	Prinsip Pengukuhan	196
4.3.1	Temubual Bersama Kru Filem	197
4.3.2	Idea Berlandaskan Pendapat Pakar	198
4.4	Prinsip Individualisme	201
4.4.1	Teknik Puisi	201
4.4.2	Pertanyaan Soalan Diikuti Dengan Kenyataan	205

## **BAB 5 DAPATAN KAJIAN**

5.0	Pengenalan	212
5.1	Dapatan Kajian	213
5.1.1	Prinsip Kehadiran Dalam Karya K.Balamurugan	213
5.1.2	Prinsip Pelanggaran Dalam Karya K.Balamurugan	216
5.1.3	Prinsip Pengukuhan Dalam Karya K.Balamurugan	219
5.1.4	Prinsip Individualisme Dalam Karya K.Balamurugan	220
5.2	Cadangan Kajian Yang Selanjutnya	223
5.3	Kesimpulan	224



## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	152
3.6	Kerangka Teori Kajian	164





## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN



#### 1.0 Pengenalan

Seseorang yang menonton filem bukan sekadar menonton tetapi juga berperanan mengulas filem yang ditonton. Setiap pengkritikan yang diberikan meliputi mesej yang ingin disampaikan oleh penerbit, kekuatan dari segi pembinaan plot serta kesesuaian audio dan visual yang digunakan dalam penerbitan sesebuah filem tersebut (Corrigan, 2005).

Dalam pada masa yang sama, penonton turut akan memberikan kritikan negatif terhadap filem yang tidak dapat mencapai kepuasan dan kehendak penonton. Kritikan negatif yang diberikan merangkumi pelbagai aspek antaranya plot dan aksi





yang hambar, ketidaksuaian audio yang digunakan dan banyak lagi (Ellis, Jack & Virginia, 2002).

Dalam penulisan *'Marangottiyin Isai'*, penulis tempatan bernama K.Balamurugan telah mengkritik tentang filem terkemuka seluruh dunia termasuklah filem Tamil. Kritikan yang ditulis beliau adalah berdasarkan pendapat sebenar beliau sendiri. Oleh yang demikian, penyelidik berhasrat menganalisis penulisan K.Balamurugan dalam memberi kritikan terhadap filem. Penyelidik merasakan analisis perlu dilakukan terhadap kritikan yang ditulis dalam karya beliau *'Marangottiyin Isai'* agar kualiti penulisan terhadap pengkritikan dibawa ke tahap yang lebih profesional.



Kritikan sangat penting kerana setiap kritikan yang dibuat terhadap sesebuah filem dipercayai akan meningkat kualiti pengkritikan filem pada masa akan datang serta penerbit filem juga akan menilai filem sebelum filem tersebut diterbitkan. Kritikan mempunyai kuasa yang tinggi dan memainkan peranan dominan dalam mengubah struktur filem secara keseluruhan (Naim Haji Ahmad, 1995).

Penyelidik juga menggunakan teori Teksdealisme dalam mengkritik karya K.Balamurugan agar setiap pengkritikan itu dapat dianalisis dengan mudah serta membantu penyelidik dalam menyempurnakan kajian pengkritikan terhadap karya K.Balamurugan iaitu buku *'Marangottiyin Isai'*.







## 1.1 Latar Belakang Kajian

Industri pengkritikan filem telah bermula sejak awal 1900-an. *'Lantern Optik'* dan *'Cinematograph Journal'* merupakan majalah pertama yang melancarkan artikel tentang pengkritikan filem. Pada tahun 1908, majalah *'The Bioscope'* mula mengeluarkan artikel pengkritikan filem dan telah menjadi pesaing utama kepada majalah *'Lantern Optik'* dan *'Cinematograph Journal'*. Walaupun kandungan dua buah majalah tersebut kebanyakan terdiri daripada iklan filem namun terdapat juga deskriptif mengenai plot dan kritikan ringkas terhadap filem. Ulasan ini dianggap sebagai sumber yang mengeluarkan berita mengenai filem dan bukan ruang untuk penulisan kritikan (James, A. 1958).



Pada awal tahun 1920-an, penerbitan *'Select Publications'* mula menawarkan kritikan ringkas mengenai filem yang selama 20 tahun ini hanya dilayan sekadar hiburan sahaja. Penulis bukan sahaja mengkritik filem berdasarkan nilai hiburan filem itu tetapi kritikan dibuat berdasarkan nilai positif dan negatif sesebuah filem itu. Pembaca pula dapat memahami plot dan gambaran yang ada dalam sesebuah filem dengan adanya pengkritikan filem tersebut. Beberapa akhbar pula mula menawarkan pengkritikan filem dan memperkenalkan pengkritikan filem secara serius kepada orang ramai. Pengkritikan filem telah berkembang pesat pada pertengahan 1940-an (James, B. 2010).





Walaupun cara penulisan pengkritikan filem masih sama seperti sebelum ini penambahbaikan telah muncul berdasarkan genre penulisan pengkritikan filem baru pada pertengahan tahun 1940-an. Penulis menitik beratkan ciri-ciri kebijaksanaan, keperibadian dan keberatan dalam mengarang sesebuah pengkritikan filem. Genre baru dalam penulisan pengkritikan filem ini dapat dilihat dalam majalah *'The New Yorker'*, *'Times'*, dan *'The Nation'*. Dalam tempoh dua dekad, penulis pengkritikan seperti Pauline Kael, James Agee, dan Andrew Sarris telah muncul. Pengkritikan filem mereka dapat sambutan hebat dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat (Corrigan, 2005).

Setelah alat merakam video telah dicipta pada awal tahun 1960-an, kaedah menganalisis filem telah diperkemas oleh Paul Ekman. Sebagai pengkritik filem dan penerbit filem, beliau telah memberikan satu pendekatan yang kemas dalam menganalisis filem secara lebih ilmiah. Kaedah ini dinamakan *'SCAN'* dan *'VID-R'* (*Visual Information Display and Retrieval*). Kaedah penganalisan filem ini mengambil masa 30 jam. Kaedah ini dilengkapkan oleh Joseph Schaeffer dengan pembicaraan yang agak panjang dalam kajiannya *'Video Tape Techniques in Anthropology: The Collection and Analysis Data'*. (Naim Haji Ahmad, 1995).

Teknologi Sistem Video Rumah (*Video Home System*) telah di perkenalkan di pasaran dunia menjelang tahun 1990-an. Penciptaan Sistem Video Rumah ini membolehkan peminat filem membeli filem baru dan lama. Hal ini memberi kelebihan kepada peminat filem dalam mengkaji filem dengan adanya kuasa untuk mengulangi adegan (*scene*) tertentu dalam filem. Peminat filem juga boleh melihat





filem kegemaran mereka dan tidak perlu bimbang tentang pembayaran tiket dan siaran terhadap pawagam (James, B. 2010).

Pada awal 2000-an penggunaan internet berkembang pesat dan diterima oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini membuka ruang untuk penulis pengkritikan filem menggunakan 'Blog' sebagai tapak peribadi mereka dalam menyimpan esei, artikel, pendapat, dan ulasan. Individu bebas berkongsi pendapat mereka mengenai sesebuah filem dengan adanya rangkaian Internet. Secara khususnya, penggunaan 'Blog' menjadi sebahagian penting dalam penulisan pengkritikan filem. Penulis pengkritikan yang mempunyai 'Blog' boleh menarik ramai orang dari seluruh dunia untuk membaca artikel pengkritikan filem. Menjelang tahun 2010-an terdapat 112 juta 'Blog' tentang pengkritikan filem dalam laman web. Pengkritikan yang terbanyak ini memberi kekeliruan kepada pembaca dalam memilih atau mempercayai kritikan mana yang baik dan berkualiti. (Robert, C. 2010).

Media sosial seperti 'Facebook' dan 'twitter' antara media sosial yang paling popular dalam kalangan masyarakat untuk berkongsi pendapat mereka. Setelah sebuah filem dikeluarkan, pada masa seterusnya penonton yang telah melihat filem itu akan berkongsi ulasan filem itu sebagai mesej ringkas dalam tapak laman web 'Facebook' mereka. Kini, kebanyakan pengkritikan filem dikritik melalui televisyen dan 'Youtube' sebagai hiburan. Kebanyakan kritikan yang bertuturan ini tidak mengkaji plot atau implikasi filem tersebut kepada penonton malah lebih mengutamakan hiburan dengan mengritik kelemahan filem itu (Corrigan, 2005).





Walaupun pengkritikan filem semakin menular dalam laman web tetapi ada juga penulis yang menghasilkan pengkritikan filem tersebut sebagai buku. Terdapat buku pengkritikan filem yang diterbitkan dalam bahasa Tamil tetapi buku-buku tersebut telah ditulis dan diterbitkan oleh penulis-penulis dari negara India. Antara buku tersebut ialah '*Asaiyum Padimangal*' (2001), '*Suvaiyana Cinema Thunukkugal*' (2001), '*Cinema! Cinema! Ore Ulagavalam*' (2006), '*Uлага Cinema Varalaru*' (2011), '*Mukkiya Sinimaakkal Patriya Suvaiyana Kannottam*' (2014), '*Maruvaachippu*', dan '*Maruchinthanai*', '*Maruvulagam*' (2017).

Apabila penyelidik mengkaji karya pengkritikan filem yang dihasilkan dalam kesusasteraan bahasa Tamil di Malaysia hanya terdapat dua buah buku sahaja yang mengkritik filem dan penulis yang menulis dua buah buku tersebut ialah K.Balamurugan.

Dua buku pengkritikan filem tersebut ialah '*Maranggottiyin Isai*' dan '*Theernthu Pogatha Venkattigal*'. '*Theernthu Pogatha Venkattigal*' merupakan buku pengkritikan filem yang membincangkan kehidupan dan sosiologi kanak-kanak manakala buku pengkritikan '*Maranggottiyin Isai*' pula mengkaji filem yang dibentangkan dalam sudut yang berbeza seperti pendidikan, seni, kehidupan dan sosiologi. Buku pengkritikan filem '*Theernthu Pogatha Venkattigal*' diterbitkan pada tahun 2012 manakala buku pengkritikan '*Maranggottiyin Isai*' pula diterbitkan pada tahun 2017.





Hal ini telah menarik perhatian penyelidik untuk memilih karya pengkritikan filem yang dihasilkan oleh K.Balamurugan dijadikan sebagai kajian. Penyelidik telah memilih karya pengkritikan filem '*Maranggottiyin Isai*' dalam kajian kerana karya tersebut merupakan permulaan baru kepada kesusasteraan Tamil Malaysia yang membincangkan pengkritikan filem dari pelbagai aspek yang berbeza.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Penyelidikan tentang pengkritikan filem dalam bidang kesusasteraan adalah sangat terbatas terutamanya dalam bidang kesusasteraan Tamil. Tambahan pula, bahan rujukan tentang pengkritikan filem dalam bidang kesusasteraan Tamil adalah sangat terhad untuk diperolehi justeru, dijadikan sebagai sumber penyelidikan bagi kajian ini.

Banyak artikel tentang pengkritikan filem terdapat dalam bentuk majalah, artikel surat khabar, *Blogspot*, *facebook*, dan *youtube* tetapi terlalu sedikit sebagai buku dalam situasi kesusasteraan Tamil di Malaysia. Pengkritikan filem tersebut bukan sahaja dikritik oleh pengkritik terkenal malah dari kalangan pengguna biasa laman web. Laman web seperti *Blog*, *facebook* dan *twitter* tidak memerlukan nama benar dan syarat-syarat tertentu kepada penggunanya. Hal ini telah memberi masalah kepada penyelidik dalam mengambil rujukan yang terdapat dalam laman web tersebut kerana tidak boleh dipercayai.





Pada masa ini, dalam bidang kesusasteraan Tamil, hanya seorang pengkritik sahaja telah menghasilkan buku pengkritikan filem iaitu K.Balamurugan. Oleh itu, penyelidik merasakan perlunya satu kajian untuk menganalisis pengkritikan filem yang dibuat oleh K.Balamurugan. Hal ini disebabkan setiap pengkritikan yang ditulis dipercayai akan meningkatkan kualiti pengkritikan serta kualiti industri filem itu sendiri dan pembaca pengkritikan filem juga dapat menikmati maksud tersirat dalam filem.

### 1.3 Objektif Kajian



Secara umumnya objektif khusus bagi kajian ini ialah :



- i. Membincangkan prinsip ‘kehadiran’ dalam hasil pengkritikan K.Balamurugan berdasarkan teori Tekdealisme.
- ii. Menganalisis prinsip ‘pelanggaran’ dalam pengkritikan K.Balamurugan berdasarkan teori Tekdealisme.
- iii. Menjelaskan prinsip ‘pengukuhan’ dalam pengkritikan K.Balamurugan berdasarkan teori Tekdealisme.
- iv. Membincangkan prinsip ‘individualisme’ yang ditonjolkan oleh K.Balamurugan dalam proses penulisan pengkritikan berdasarkan teori Teksdealisme.





#### 1.4 Persoalan Kajian

Secara khususnya kajian ini menjurus kepada beberapa persoalan seperti berikut :

- i. Bagaimanakah prinsip ‘kehadiran’ dibincangkan dalam karya pengkritikan K.Balamurugan berdasarkan teori Tekdealisme.
- ii. Bagaimanakah prinsip ‘pelanggaran’ dianalisis dalam karya pengkritikan K.Balamurugan berdasarkan teori Tekdealisme.
- iii. Bagaimanakah prinsip ‘pengukuhan’ dijelaskan dalam karya pengkritikan K.Balamurugan berdasarkan teori Tekdealisme.
- iv. Apakah prinsip ‘individualisme’ yang ditinjolkan oleh K.Balamurugan dalam proses penulisan pengkritikan berdasarkan teori Teksdealisme.



#### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap akan meningkatkan kualiti dan standard penulisan kritikan filem pada masa akan datang. Kajian ini dipercayai dapat meningkatkan minat membaca buku pengkritikan filem dalam kalangan masyarakat tempatan. Pembaca juga diharap akan memberi sokongan kepada penulisan pengkritikan filem tempatan.

Apabila munculnya sokongan terhadap penulisan pengkritikan filem maka munculnya banyak penulis tempatan dalam menghasilkan pengkritikan filem yang berkualiti di pasaran. Kajian ini juga penting kepada bakal penyelidik yang ingin membuat kajian pengkritikan terhadap pengkritik filem. Bakal penyelidik dapat





menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan dalam memperkukuhkan lagi hasil kajian bakal penyelidik.

Selain itu, bakal penyelidik juga diharap mendapat pengetahuan tentang gaya penulisan pengkritikan yang berkualiti, aspek-aspek yang boleh dikritik dalam kajian penyelidikan dan teknik yang sesuai untuk diimplementasikan dalam pengkritikan. Perkara ini juga dapat mengatasi masalah kekurangan sumber rujukan tentang pengkritikan filem Tamil dalam bidang kesusasteraan Tamil.

### 1.6 Batasan Kajian



Secara khususnya, pengkaji telah memilih hasil pengkritikan karya K.Balamurugan sahaja iaitu '*Marangottiyin Isai*' sebagai bahan kajian. Hasil kritikan K.Balamurugan ini merangkumi filem-filem yang terkenal dan filem-filem yang mendapat anugerah khas yang daripada seluruh negara. Pengkaji memilih hasil pengkritikan karya K.Balamurugan kerana beliau merupakan penulis pengkritikan filem tunggal yang menerbitkan buku pengkritikan filem di Malaysia dalam bahasa Tamil. Keistimewaan buku yang dikaji ini adalah ia merupakan buku pengkritikan filem yang kedua dalam Bahasa Tamil di Malaysia yang dihasilkan oleh K.Balamurugan sendiri.

Dalam memfokuskan kajian, kajian ini melihat kepada unsur-unsur yang terdapat dalam teori Teksdealisme. Penyelidik telah memilih teori Tekdealisme kerana teori ini mempunyai empat prinsip penting yang ada dalam sesebuah karya







pengkritikan iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme atau keperibadian. Kajian ini memilih empat prinsip yang terdapat dalam teori Teksdealisme kerana ia merupakan unsur yang sering terdapat dalam bidang kesusasteraan.

### 1.7 Sumber Kajian

Sumber kajian dikategorikan kepada dua jenis iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber yang digunakan secara langsung untuk kajian dikategorikan sebagai sumber primer manakala sumber yang digunakan untuk membantu kajian ini dikategorikan sebagai sumber sekunder.



#### 1.7.1 Sumber Primer

Sumber primer yang digunakan dalam kajian ini ialah buku pengkritikan filem *'Maranggottiyin Isai'* yang dihasilkan oleh K.Balamurugan. Buku *'Maranggottiyin Isai'* adalah buku pengkritikan filem yang tunggal dianalisis dalam kajian ini.





### 1.7.2 Sumber Sekunder

Dalam kajian ini, tesis, jurnal, internet, blog, akhbar, majalah bulanan, buku pengkritikan filem digunakan sebagai sumber sokongan. Dengan merujuk tesis kajian-kajian lepas penyelidik memperoleh banyak input untuk menjalankan kajian ini. Beberapa fakta dalam kajian ini dapat disokong dengan penggunaan sumber sekunder ini. Bahkan itu, sumber sekunder ini juga memberi sokongan dalam penulisan bab 2 kajian ini.

### 1.8 Definisi Operasional



Definisi kajian ialah bahagian yang menjelaskan perkataan tertentu dalam kajian keseluruhan yang boleh menimbulkan keraguan dalam pemahaman istilah. Penyelidik telah mentakrifkan konsep bagi rangkai kata atau disebut sebagai istilah-istilah yang mendasari skop kajian ini.

#### 1.8.1 Pengkritikan

Kamus Cambridge mendefinisikan pengkritikan sebagai perbuatan yang memberi pendapat atau pertimbangan tentang sifat-sifat baik atau buruk sesuatu atau seseorang (Cambridge dictionary, 2017). Kamus Oxford pula mendefinisikan pengkritikan



sebagai analisis, penghakiman merit dan kekurangan pada karya sesuatu sastera atau seni (Oxford, 2017).

Menurut Mana Sikana (2006), perkataan kritik berasal daripada '*krites*', perkataan Yunani kuno yang bererti hakim. Beliau juga berpendapat kegiatan mengkritik ialah usaha menghakim, memutuskan tentang nilai baik dan buruk sesebuah karya. Penulis Hashim Awang (2015), pula mengatakan pengkritikan dimaksudkan kegiatan mengolah pandangan, pendapat, pemikiran, atau gagasan yang timbul daripada usaha-usaha menilai, mempertimbang, dan menganalisis. Definisinya lebih mencari kelemahan pengarang pada zaman moden ini (Mana Sikana, 2013).

sesuatu karya dan teguran tentang sesuatu atau kecelaan. Andre Hardjana (1985) telah mentakrifkan kritikan sebagai hasil usaha pembaca dalam mencari dan menentukan nilai hakiki sesebuah karya serta penafsiran sistematik yang dinyatakan dalam bentuk tertulis.

Jadi jelaslah bahawa pengkritikan ditakrifkan sebagai memberi pandangan dan mempertimbang serta menganalisis karya seseorang pengarang.



### 1.8.2 Filem

Shahnon Ahmad (2006), mendefinisikan filem sebagai salah satu cabang seni yang berprinsip sama dengan cabang-cabang seni yang lain dan satu wadah untuk menghadirkan satu-satu aspek keperihalan manusia melalui elemen-elemen perfileman.

Menurut Abdul Wahab Hamzah (2004), filem bukan sekadar hiburan murah bagi masyarakat sesebuah negara malah menjadi sebahagian daripada budaya massa yang diterbitkan kepada masyarakat. Melalui filem digabungkan daripada kerja seni yang primitif (lakonan) kepada teknologi yang paling canggih (teknologi komputer)

dan melibatkan strategi pemasaran yang rumit dan kompleks.

Azhar Awang (1999), pula mendefinisikan filem sebagai sejenis plastik yang digunakan dalam kamera untuk mengambil gambar dan wayang gambar. Naim Haji Ahmad (1995), mendefinisikan filem sebagai cermin yang memberi gambaran tentang cara hidup dan nilai masyarakat pada zamannya. Menurut Ramli Mohamed (2003), filem merupakan sumber yang boleh mempengaruhi dan mengubah cara hidup orang ramai.

Jadi jelaslah bahawa filem merupakan imej yang terhasil daripada bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur seperti cerita, dialog, visual dan bunyi, yang akhirnya dirakamkan menggunakan teknologi kreatif seperti kamera. Filem juga merupakan sumber yang boleh mencerminkan budaya sesuatu bangsa.





### 1.8.3 Teori Tekdealisme

Teori Teksdealisme didefinisikan sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandung makna berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Keunggulan bererti teks mempunyai mutu yang tinggi dan sifat-sifat keunggulannya tersendiri. Teksdealisme ialah rangkuman daripada dua kosa kata iaitu 'teks' dan 'idealisme' (Mana Sikana, 2006).

Teori ini menggagaskan empat prinsip yang perlu dipatuhi oleh seseorang penulis untuk mencapai tahap keunggulan dalam kepengarangannya. Empat prinsip tersebut adalah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualiti atau keperibadian. Keberanian merupakan sifat asas yang perlu ada dalam penulisan seseorang pengkritik menurut teori Teksdealisme dalam menuju ke peringkatan keunggulan (Mana Sikana, 1996).

Teori Teksdealisme menuntut seseorang pengarang bersifat berani mengemukakan sesuatu yang baharu dan bijaksana dalam mengolah sesebuah karya berlandaskan bidang keilmuan yang tinggi. Teori Teksdealisme juga menuntut pengarang sentiasa berada dalam keadaan bertenaga dan berkemampuan dalam menghasilkan sesuatu yang berlainan dan baharu daripada pengarang lain sehingga penghasilannya kelihatan menonjol dan asing (Abdul Halim Ali, 2011)



Jadi jelaslah bahawa teori Teksdealisme merupakan teori yang menganalisis dan mengkritik sesebuah karya berasaskan empat peringkat proses keunggulan, iaitu prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan, dan prinsip individualisme atau keperibadian.

### **1.9 Kesimpulan**

Bab pertama telah membincangkan latar belakang penyelidikan diikuti dengan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, sumber kajian, batasan kajian dan diakhiri dengan penerangan definisi operasioanal. Kesemua